

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 09 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Karnival Kreativiti dan Science4u di Melaka	Utusan Malaysia
2	Kongsi maklumat dan petua	Utusan Malaysia
3	Platform rapatkan jurang dua generasi	Utusan Malaysia
4	Pemenang kuiz aplikasi teknologi satelit siri I diumum	Utusan Malaysia
5	Will palm oil survive climate change?	New Straits Times
6	Two-hour downpour causes flash floods in KK	The Star

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (SAINS MEGA) : MUKA SURAT 9
TARIKH: 09 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

Karnival Kreativiti dan *Science4u* di Melaka

KEMENTERIAN Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) akan menganjurkan Karnival Kreativiti dan *Science4U* di dua buah sekolah di Melaka pada 18 September dan 21 September ini.

Karnival tersebut memilih Sekolah Menengah Ayer Keroh pada 18 September 2013 dan Sekolah Menengah Tun Haji Abdul Malek pada 21 September sebagai lokasi pengajuran yang dijangka dapat menarik penyertaan lebih 2,000 orang pelajar di negeri terabit.

Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Dr. Abu Bakar Md. Diah berkata, program tersebut merupakan platform terbaik bagi kementerian untuk menyalur dan berkongsi ilmu tentang sains, teknologi dan inovasi dengan masyarakat setempat.

"Program ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran terhadap sains, teknologi dan inovasi di kalangan para pelajar sekolah, belia dan komuniti setempat," katanya.

Program berkenaan diadakan sempena dengan pengisytiharan Tahun Dekad Inovasi (2010 - 2020) dan program Gerakan Inovasi Nasional.

Semua aktiviti yang dilaksanakan semasa karnival

adalah khusus untuk membudayakan sains dan teknologi dalam kehidupan generasi muda serta memberi pendedahan kepada mereka terhadap realiti sebenar dunia sains dan teknologi.

Karnival ini dijangka dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira (Ir) Idris Haron.

Hadiyah-hadiyah menarik turut menanti peserta dan pengunjung bertuah melalui pertandingan-pertandingan yang akan dijalankan.

Antara

pengisian yang menarik bakal diadakan ialah pencerapan matahari, program *MyBio@School*, demonstrasi roket air serta pameran interaktif.

Di samping itu, pelajar-pelajar terpilih berpeluang mengikuti latihan melalui bengkel Aeromodeling dan robotik yang dikendalikan oleh MOSTI.

Pelbagai jabatan dan agensi di bawah MOSTI, kerajaan negeri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dijangka turut serta dan bersedia berkongsi maklumat serta teknologi masing-masing kepada peserta dan pengunjung karnival.

Diharap karnival tersebut akan dapat menarik lebih banyak penyertaan serta dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran.



DR. ABU BAKAR MD. DIAH



MOSTI mahu supaya budaya sains dan teknologi dipupuk menerusi penyelidikan dan kempen kesedaran. — Gambar hiasan

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (SAINS MEGA) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 09 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

Ⓜ️MegaSains

Oleh LAUPA JUNUS
kaj@junes@utusan.com.my
Gambar ABDUL NAZIR MOHAMED

SIAPAKAH di kalangan kita yang mengetahui maksud pembangunan dalam rangkap pantur pisang emas di bawah belayar, masak sebiju di atas peti?

Siapakah pula yang mengetahui kenapa dalam masakan Melayu sebagai contoh, masak lemak rebung selalunya bersama dengan perut lembu?

Apakah kepentingan mengetahui semua ini dan perlunya kita mengetahui keseluruhan petua warisan nenek moyang yang sejawarnya dikongsikan kepada orang lain terutamanya generasi muda.

Sehubungan itu, inisiatif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Persatuan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (MACRI) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan serta Perbadanan Putrajaya menyediakan ruang dan peluang serta platform bagi mencetuskan program Kongsi Cerita sempena sambutan hari ulang tahun kemerdekaan ke-56 baru-baru ini wajar dicontoh.

Mengambil sempena 50 tahun sambutan ulang tahun penubuhan Malaysia atau Hari Malaysia, keempat-empat pihak bergabung tenaga memanfaatkan bidang kreativiti dan inovasi yang mana golongan generasi warga emas berkongsi cerita, pengalaman dan petua kepada kumpulan generasi Y untuk dimanfaatkan sebagai pengetahuan.

Menurut Ahli Jawatankuasa MACRI, Datuk Dr. Marzalina Mansor, menerusi program Kongsi Cerita bertemakan *Menghubungkan Pengalaman Lalu Ke Arah Kesejahteraan Akan Datang*, memberi peluang generasi muda mewawancara golongan warga emas yang sebaik dengan ibu bapa mereka dengan itu, pengalaman dan petua yang dicarikan itu dijadikan bahan penyertaan pertandingan.

"Tujuan program ini adalah untuk ialah menggalakkan generasi muda supaya sentiasa berinteraksi dengan golongan warga emas. Peluang ini membolehkan mereka bercampur dengan orang lain dan tidak terlalu menumpukan kepada hal sendiri, bermain gajet dan sebagainya, yang boleh menjarakkan jurang dengan golongan berusia daripada mereka."

"(Ini kerana) Kita melihat golongan muda masa kini sibuk dengan dunianya, bermain peranti pintar dan melupakan dunia dan persekitaran mereka," katanya.

Beliau ditemui pada majlis program *Meraikan Kerjasama, Kreativiti dan Alam Sekitar* serta pelancaran *Golden Linkages Contest* dan Jejak Inovasi Zon Tengah di Taman Wetland Putrajaya baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPNIN, L. Ganesan; Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Taman Jabatan Landskap dan Tanam Perbadanan Putrajaya, Haslinda Khalid; Pengarah Pembangunan Inovasi dan Pengkomersialan YIM, Dr Othman Omar, Pengurus Kanan Komunikasi Korporat YIM, Sharmila Salleh dan personaliti televisyen, Nizal Mohamad.

Menerusi peraturan tersebut, peserta dibahagikan kepada kumpulan atau individu. Mereka akan duduk bersama bersempang dengan golongan muda warga emas untuk berkongsi cerita dan maklumat, inovasi akar umbi dan petua pengjur sebagai penyertaan dalam bentuk video, *snapshot* atau berbilis.

Menurut Marzalina, *linkages*

Kongsi maklumat dan petua berguna

Yayasan Inovasi Malaysia dan MACRI cetuskan idea rapatkan jurang golongan muda dan warga emas menerusi program perkongsian ilmu dan inovasi



SEBAHAGIAN 150 belia yang terlibat sebagai sukarelawan Penggerak Inovasi 1Malaysia (ICATs) di Putrajaya baru-baru ini.



DR. MARZALINA MANSOR



RAMESH PILLAI



SHARMILA SALLEH

bermaklum menghubungkan golongan warga emas dan golongan muda supaya mereka dapat bersama-sama, menghayati makna kebersamaan, dalam suasana merdeka serta menghayati keindahan alam selain berkongsi maklumat termasuk inovasi akar umbi.

"Sebab itu ada yang mempunyai petua boleh berkongsi kepada anak muda bahawa pisang emas di bawah belayar masak sebiju di atas peti bagi memberitahu golongan muda (bahawa) pisang emas dimakan semasa belayar bagi mengelakkannya basuk dan dimakan sebiju-sebiju."

"Inilah (contoh) perkongsian cerita yang kami harapkan menerusi program ini," katanya.

Sementara itu Setiausaha Eksekutif

MACRI, Ramesh Pillai berkata, setakat ini 300 penyertaan sudah diterima dan pihaknya menyasarkan sehingga 500 penyertaan menjelang tarikh tutup esok.

"Proses penghakiman dijangka pada 11 September," katanya sambil memberitahu bahawa hadiah utama ialah RM5,000 manakala hadiah khas menawarkan RM1,000.

Semua penyertaan boleh disalurkan kepada pengajuur dengan melayari www.golden.linkages.my.

Terdahulu, pada majlis tersebut, seramai 150 belia diberi taklimat sukarelawan sebagai Penggerak Inovasi 1Malaysia (ICATs) oleh YIM sebagai penyejak inovasi. ICATs mempunyai 2,500 anggota setakat ini sejak



Info

Jejak Inovasi Zon Tengah bermula 31 Ogos 2013 dan program sentiasa berterusan.

YIM mensasarkan sekurang-kurangnya 50 inovasi dapat dikenal pasti di Zon Tengah.

Sebahagian inovasi akan dipamerkan pada 20 September ini di YIM Pusat Inovasi YIM, Cyberjaya.

Sukarelawan Penggerak Inovasi 1Malaysia (ICATs) berperan sebagai mata dan telinga bagi menjalani dan melaporkan inovasi yang terdapat di sekitar Zon Tengah.

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA (SAINS MEGA) : MUKA SURAT 9

TARIKH: 09 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)



ACARA melepaskan 56 ekor burung pipit sebagai simbol sambutan ulang tahun hari Kemerdekaan ke-56 di sempurnakan bersama oleh (dari kiri) Dr Othman Omar, L. Gandesan, Dr. Marzalina Mansor dan Haslinda Khalid di Putrajaya baru-baru ini.

Platform rapatkan jurang dua generasi

PENGLIBATAN golongan berusia bagi membimbing generasi muda yang mencari erti kehidupan adalah antara sebab mengapa program *Meraikan Kerjasama, Kreativiti dan Semula jadi* yang dianjurkan bersama MACRI, YIM, JPNIN dan Perbadanan Putrajaya.

Pertemuan tersebut sebagai platform merapatkan hubungan antara kedua-dua generasi di samping berkongsi pengetahuan dan inovasi akar umbi.

Seorang peserta yang juga warga emas, **Noraishah Ishak**, 59 berkata dia berkongsi beberapa pengalaman dan petua kepada sekumpulan belia pada program tersebut dan mereka bersemangat ingin mengetahuinya.

"Saya menceritakan pengalaman menghadapi penyakit kronik tetapi berjaya mengatasinya tanpa pengambilan pil (ubat). Saya mengamalkan solat 100 rakaat sehari termasuk fardu dan sunat dan juga memberitahu bagaimana mudah memperoleh jodoh bagi mereka yang belum berkahwin," katanya.

Noraishah berkata, mereka yang ingin dipercepatkan jodoh boleh mengamalkan petua membaca surah Yasin 44 kali secara berterusan manakala bagi mengelakkkan mata menjadi cerah boleh mengamalkan petua merenung bulan penuh setiap 12 hingga 16 haribulan selama enam bulan berturut turut.

Oleh itu, Noraishah yang juga ahli Persatuan Warga Emas Putrajaya berkata, program seumpama itu wajar diteruskan sebagai jambatan menghubungkan jarak usia keduanya golongan tersebut.



NORAISHAH NORKAMISAH ROZAINI

Seorang lagi peserta golongan warga emas, **Norkamisah Abd. Majid**, 58, bersetuju bahawa program tersebut boleh dijadikan medan penyatu dan perpaduan pelbagai kaum dengan syarat tidak menyentuh aspek politik.

Bagi peserta golongan muda, **Rozaini Idris**, 21, dia menyifatkan penyertaannya sebagai amat bermanfaat sebagai inspirasi dalam kehidupan dan mendapatkan panduan hidup daripada mereka yang berpengalaman.

"Selama ini kita tidak dapat menilai diri dan apabila memperoleh panduan daripada mereka yang berpengalaman baharulah kita tahu siapa kita," ujarnya yang juga pelajar Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak.

Sementara itu menurut Sharmila, program Jejak Inovasi Zon Tengah akan diadakan di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi meneruskan kesinambungan program tersebut.

"Kali ini program akan lebih selektif memilih inovasi yang dihasilkan oleh penduduk kampung," ujarnya.



NORAISHAH Ishak (kanan) berkongsi cerita dengan sekumpulan belia pada program *Meraikan Meraikan Kerjasama, Kreativiti dan Semula jadi* di Putrajaya baru-baru ini.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (SAINS MEGA) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 09 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)**

PEMENANG KUIZ APLIKASI TEKNOLOGI SATELIT SIRI I DIUMUM

KUIZ Aplikasi Satelit 2013 anjuran Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) bersama akbar sisipan *Mega, Utusan Malaysia* memasuki siri pertama minggu lalu.

Kuiz bersiri selama enam keluaran bagi setiap dua minggu menyerupai konsep yang sama seperti Kuiz Teknologi Satelit yang diadakan sebelum ini tetapi dipendekkan kepada enam keluaran sahaja selain hadiah untuk soalan terkumpul.

Kedua-dua penganjur telah memilih tiga pemenang bertuah. Cabutan diadakan di ibu pejabat ATSB di Shah Alam baru-baru ini yang mana proses tersebut disempurnakan Naib Presiden Pembangunan Perniagaan ATSB, Aziz Yusoff.

Menurut Aziz, penyertaan yang diterima kali ini terdiri daripada pelbagai golongan dan latar belakang termasuk guru, suri rumah, penganggur, juruteknik dan pelajar.

“Penyertaan yang diterima dari seluruh negara dan berharap lebih ramai



lagi menyertainya,” ujar beliau.

Ketiga-tiganya menerima baucer Sijil Simpanan Premium (SSP), Bank Simpanan Nasional (BSN) daripada ATSB. ATSB juga akan menghubungi sendiri dan menghantar hadiah kepada pemenang yang telah disenaraikan itu.

Peraduan akan diteruskan untuk siri II pada 16 September dan pembaca setia

Mega Utusan Malaysia yang bermintah boleh menyertainya dengan menjawab dua soalan mudah berdasarkan artikel yang disiarkan pada hari Isnin setiap dua minggu dan menjawab menggunakan borang asal yang disiarkan dalam akbar sisipan tersebut.

Kuiz terbahagi kepada dua kategori iaitu soalan dwimingguan yang mengandungi dua soalan objektif dan juga soalan terkumpul yang mana jawapannya berserta slogan perlu dihantar selepas berakhirnya siri VI.

Soalan terkumpul juga adalah mengikut artikel yang sama dengan soalan dwiminggaan tetapi jawapan perlu dihantar bersama borang khas yang akan disediakan kelak.

Oleh itu mereka perlu menyimpan soalan-soalan terkumpul sebagai rujukan yang disiarkan bersama soalan dwiminggaan.

Pemenang kategori soalan dwiminggaan dipilih secara rawak



AZIZ YUSOFF

berdasarkan jawapan yang betul sementara kategori soalan terkumpul ditentukan mengikut ketepatan jawapan dan slogan yang menarik.

Maklumat lanjut mengenai kuiz tersebut boleh juga diperoleh daripada laman web www.atsb.my dan utusan on line (www.utusan.com.my).

Peraduan atau kuiz tersebut diadakan bagi memberi peluang kepada pembaca mengetahui bidang teknologi angkasa khususnya satelit. Dengan itu penganjur berharap kuiz mampu menjana minat yang mendalam dalam bidang tersebut.

Pemenang siri 1

- Nurul Siti Fatimah Yahya (Pelajar - Melaka)
- Nursyahida Yahya (Juruteknik - Melaka)
- Nor Affendy Mohd Ghazy (Guru - Selangor)

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES : MUKA SURAT 15
TARIKH: 09 SEPTEMBER 2013 (ISNIN)

WILL PALM OIL SURVIVE CLIMATE CHANGE?

A CONCERN: Rising temperatures, water stress and flooding threaten industry

WORLD leaders met again in Rio de Janeiro, Brazil. This samba capital of the world hosted a global discourse on the fate of the planet.

The first meeting there was held 20 years ago. The subject matter remained the same. What do we do about the state of the world environment, which is increasingly under threat?

And, the threat is by us, men. Dubbed Rio+20, the meeting proved to be another platform for protests and pledges. Orators as usual had world attention with their rhetoric. Some were even repeats of the last meeting because, admittedly, nothing much has changed. Will Rio+20 be a turning point for the world? Or will it be another merry-making event?

The world climate is definitely changing. The evidence is convincing. The trend in rising global temperatures can no longer be disputed. Melting of the Arctic ice is

real. And, extreme weather conditions have been occurring at disturbing regularity. Sadly, global greenhouse gas emissions have not come down. Despite various attempts, international agreements on the mechanisms have not been successful. But, one encouraging development is that more are now convinced that man is responsible. Earlier sceptics have literally disappeared.

Climate change is bound to impact on oil palm. This is worrying. With the rise in temperature, incidences related to water stress may become more prevalent. During times of drought, oil palm yield suffers significantly. This has become evident during the many El Nino periods when water scarcity hit the oil palm sector. Unless something is done to develop a drought-resistant variety, the supply of palm oil for the world market will come under intense pressure. But, climate change is not just about dry periods. The highly uncertain and extreme nature of climate is an-

other common feature. In the case of oil palm, unusually long periods of flooding have also negatively impacted on the supply because of harvesting difficulties.

Destruction of biodiversity is another issue of climate change. It has also become a growing concern of the palm oil industry. Already, some markets are taking potshots, blaming palm oil for the loss in tropical biodiversity through deforestation. They are coming out with all kinds of import restrictions on palm oil.

Greenhouse gas emission is the common criteria used. While the importing countries show palm oil failing to meet the minimum emission levels, the assessment by palm oil exporters shows otherwise. There is a need to come together to agree on the method of assessment.

What is needed is a more comprehensive study. It would be a pity if palm oil is wrongly judged. There is no doubt the growing world population will need more food. Oils and fats are important in man's overall nutrition. In fact, food will not taste as good without fats. In Malaysia, fried *kway teow* would not taste the same. In South Asia, what would happen to the taste of *briyani*?

While the world needs more oil, the land to grow them is growing scarce. Climate change is going to



Dr Ahmad Ibrahim
Fellow, Academy of Sciences Malaysia

make it worse. For example, rain-fed oilseeds region of India is now under intense pressure because of the changing monsoon patterns. But, oil palm offers the best option because of its extremely high yield. In fact, there is potential to increase it further with recent advances in palm oil genomics.

As an important world resource, it is clear that oil palm is not spared from the rigours of climate change. It can be concluded that palm oil will be impacted on both the supply and demand sides.

On the supply side, yield will

suffer because of climate-induced water stress situation.

On the demand side, palm oil may be misjudged on its true contribution to climate change and may be wrongfully penalised. Unless these issues are addressed, they will upset the supply and demand equation for palm oil. Its price movement may become volatile, which is not good for both suppliers and buyers of palm oil. But, of more concern is that the world may be denied the benefits of a highly productive oil source! Will it survive?

Two-hour downpour causes flash floods in KK

Submerged:
A car passing by a vehicle that fell into a drain along a flooded stretch in Jln Bundusan in Penampang.



Get the Star Mobile App from
The App Store or Google Play

KOTA KINABALU: A two-hour downpour caused flash floods at housing estates and industrial zones in low-lying areas of the state capital.

Water levels rising up to 0.5m flooded homes, shops and main roads into housing estates in various areas including Luyang, Likas, Kolombong, Inanam, Menggatal and parts of Penampang during the heavy rain that started at around

1pm yesterday.

However, by 4pm water in most areas began subsiding and many residents started to clean up their homes.

Shop assistant Dailin Rasid said the water entered his premises very fast, adding that they hardly had any time to move their things to higher ground.

"It started at about 1pm and by

3pm, water gushed into our sundry shop," he said, adding that not many things were damaged as previous experience had taught him to stack things up properly.

An affected house owner, who identified herself as Lin, said the floodwaters swept rubbish from outside into her living room. "Now we have to clean up and it is really causing a lot of inconvenience and

has spoiled our day," she added.

A Fire and Rescue Service Department spokesman said the received reports from various areas but there were no requests for evasions or any casualties.

A Meteorological Department spokesman said the rains triggered by a tropical depression in the South China Sea was expected to ease today.